

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : SISTEM ADUAN DAN PENYEMAKAN MASALAH INFRASTUKTUR
ASAS YANG BARU**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan mewujudkan satu cara yang baru supaya agensi kerajaan akan bertindak secara proaktif untuk menyelesaikan masalah tanpa menunggu aduan daripada rakyat?

- b) Adakah kerajaan akan menimbangkan untuk melantik satu badan khasnya beronda untuk menyemak status infrastruktur asas?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali;

Kerajaan Negeri sangat mengambil berat terhadap setiap aduan daripada rakyat. Penambahbaikan dari segi aspek pemantauan infrastruktur termasuk mewujudkan inventori lengkap akan diselaraskan dan dipantau dengan setiap agensi. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan taskforce inventori berkaitan infrastruktur jalan, parit dan longkang di Negeri Selangor yang diselia oleh pelbagai jabatan dan agensi. Lead agency bagi taskforce ini adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor. Selain itu taskforce jalan berlubang turut diwujudkan dan diselaraskan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) menerusi entiti SSDU Innovations Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri. SSDU telah mewujudkan satu sistem Intelligent Respond Selangor (IRS) bertujuan menyelaraskan aduan serta memantau aduan berkaitan jalan berlubang yang boleh diakses oleh semua rakyat.

Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan aktiviti turun padang ke setiap daerah untuk memberi fokus kepada isu jalan dan banjir yang berlaku di daerah serta mengenal pasti penyelesaian terbaik bagi mengatasi isu-isu berkenaan. Turun padang yang pertama telah diadakan di Daerah Klang pada 11 Februari 2019 diikuti dengan Daerah Petaling pada 12 Mac 2019 dan akan disusuli dengan daerah-daerah lain.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melantik satu badan khasnya pasukan peronda memandangkan setiap PBT atau agensi telah pun mempunyai pasukan sendiri bagi menangani aduan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tidakkah Kerajaan Negeri bercadang mewajibkan Pihak berkuasa Tempatan mengadakan sesi "townhall meeting" terbuka kepada pihak awam secara berkala sebagai satu usaha untuk meningkatkan prestasi dan kepekaan mereka dalam menyelesaikan masalah rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Sungai Ramal agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan sesi "*townhall meeting*" terbuka kepada pihak awam secara berkala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi "*townhall meeting*" telah pun dilaksanakan oleh PBT Negeri Selangor bagi mendengar masalah setempat dan pandangan umum berdasarkan isu dan keperluan semasa. Sebagai contoh, pada tahun 2018 MPAJ dan MBSA telah mengadakan *townhall* bajet 2019, MPSP mengadakan sesi *townhall* bersama Komuniti Zon, dan MPS pula mengadakan sesi *townhall* bersama Ahli Majlis JKP Zon 24.

Selain itu, PBT juga telah mengambil inisiatif lain dengan mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan bagi mendekati penduduk setempat secara terus/bersemuka dan memberi peluang kepada orang ramai dan pihak berkepentingan (*stake holder*) untuk menyalurkan aduan, komen dan saranan untuk penambahbaikan perkhidmatan PBT.

Bagi menambahbaik sistem penyampaian PBT, bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar PBT berstatus Bandaraya memperuntukkan sebanyak RM3 juta dan PBT berstatus Perbandaran sebanyak RM1 juta melalui program *Community Engagement*. Program ini adalah satu usaha untuk meningkatkan penglibatan komuniti setempat di dalam sesuatu projek atau program. Dengan program ini, PBT dapat memastikan peranan dan pandangan komuniti turut diambil kira dalam sesuatu projek / program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELABURAN TEMPATAN

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan di Selangor pada 2016?
- b) Nyatakan bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2016, Negeri Selangor merekodkan jumlah nilai pelaburan sebanyak **RM 7,880,767,374 (RM 7.881 bilion) dengan 242 projek perkilangan yang diluluskan.** Daripada nilai ini, sebanyak **RM 4,529,119,807** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 3,351,647,567** daripada pelaburan asing. Sebanyak **16,427 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

| Negeri | Bil. Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-----------------|-------------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Johor | 165 | 8,587 | 15,215,538,019 | 11,195,039,986 | 26,410,578,005 |
| Selangor | 242 | 16,427 | 4,529,119,807 | 3,351,647,567 | 7,880,767,374 |
| Sarawak | 13 | 4,063 | 2,463,576,686 | 2,171,730,846 | 4,635,307,532 |
| Penang | 106 | 10,816 | 1,236,973,529 | 3,056,916,908 | 4,293,890,437 |
| Perak | 55 | 8,387 | 2,843,925,353 | 1,102,246,895 | 3,946,172,248 |
| Kedah | 35 | 2,428 | 615,397,441 | 1,567,865,898 | 2,183,263,339 |
| Sabah | 19 | 4,588 | 1,644,530,791 | 493,576,189 | 2,138,106,980 |
| Terengganu | 5 | 1,818 | 743,533,720 | 1,368,716,280 | 2,112,250,000 |
| Negeri Sembilan | 33 | 2,387 | 288,749,372 | 1,628,739,875 | 1,917,489,247 |
| Melaka | 23 | 2,266 | 679,280,110 | 675,495,170 | 1,354,775,280 |
| Pahang | 19 | 1,328 | 385,016,257 | 498,095,003 | 883,111,260 |
| Kelantan | 5 | 610 | 238,210,425 | 276,079,000 | 514,289,425 |

| | | | | | |
|---------------------------|------------|---------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| W. P. Kuala Lumpur | 12 | 405 | 179,937,310 | 9,029,398 | 188,966,708 |
| W. P. Labuan | 1 | 10 | 11,485,467 | 22,295,318 | 33,780,785 |
| Perlis | | | | | 0 |
| Jumlah | 733 | 64,120 | 31,075,274,287 | 27,417,474,333 | 58,492,748,620 |

* Sumber : MIDA

b) Antara bidang – bidang industri utama yang diberi penumpuan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut;-

- 1) Elektrik dan Elektronik.
- 2) Peralatan Pengangkutan
- 3) Sains Hayat
- 4) Makanan dan Minuman
- 5) Mesin dan peralatan.

Daripada bidang bidang - bidang industri utama di atas, beberapa industri telah dikenalpasti untuk diberi tumpuan seperti berikut;-

- 1) E–Commerce
- 2) Bioteknologi
- 3) Aeroangkasa
- 4) Industri Halal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : KEHADIRAN ADUN DI MESYUARAT MAJLIS PBT

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apa pandangan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?
- c) Bolehkah arahan ini ditukar supaya mesyuarat lebih efektif?

JAWAPAN:

- b) Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menyatakan bahawa:

“Semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan ketetapan”.

Selaras dengan peraturan tersebut, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 21 November 2018 telah memohon agar semua PBT di seluruh Malaysia memberi kebenaran dan menggalakkan Ahli Parlimen dan ADUN untuk menghadiri Mesyuarat Penuh PBT sebagai pemerhati.

Kerajaan Negeri menyambut baik akan saranan YB Menteri KPKT. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa wajar ada satu *platform* yang berasingan di antara PBT dan wakil rakyat.

- c) Atas faktor keperihatinan dan keterbukaan, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar setiap PBT Negeri Selangor melaksanakan Program Komunikasi Dua Hala di antara PBT dengan wakil rakyat sama ada ADUN atau Ahli Parlimen termasuk dari parti pembangkang. Objektif program adalah bagi membincang dan menyelesaikan pelbagai isu semasa di kawasan ADUN dan Ahli Parlimen masing-masing serta memastikan kebajikan rakyat sentiasa dijaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : HASIL DAN KUTIPAN CUKAI TANAH

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bandingkan prestasi kewangan dan kutipan cukai khususnya kutipan cukai tanah dan premium Kerajaan Selangor, khususnya notis 5A dan 7G pada suku pertama 2019 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat Banting, jumlah kutipan hasil cukai tanah beserta kutipan cukai petak merangkumi kutipan cukai semasa dan tunggakan sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak RM82,243,329.16. Manakala kutipan bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2018 adalah sebanyak RM151,307,171.70. Terdapat penurunan kutipan cukai tanah semasa dan tunggakan sebanyak RM69,063,842.54 sehingga 28 Februari 2019 berbanding dengan tempoh masa sama pada tahun 2018.

Manakala untuk kutipan premium meliputi Notis 5A dan 7G, sehingga 28 Februari 2019, sebanyak RM189,430,435.82 (17.7%) telah berjaya dikutip. Tempoh masa yang sama pada tahun 2018, jumlah kutipan premium Notis 5A dan 7G yang telah dikutip adalah sebanyak RM97,448,465.92 (6.7%). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11% dalam tempoh yang sama pada tahun 2018 dan 2019.

MAKLUMAT TAMBAHAN

ULASAN PENINGKATAN HASIL PREMIUM TANAH SEHINGGA 28 FEBRUARI 2019

1. Jumlah kutipan premium terbesar yang diterima sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak **RM73,934,710.15** dari **LGB Properties (M) Sdn, Bhd.** (PDT Petaling). Manakala sehingga 28 Februari 2018, kutipan premium terbesar adalah sebanyak **RM12,863,175** dari **Paragon Pinnacle Sdn Bhd.** (PDT Kuala Selangor). Antara senarai penyumbang premium terbesar sehingga Februari 2018 dan Februari 2019 adalah seperti di lampiran.
2. Pelanjutan tempoh bayaran premium (Notis 5A) iaitu daripada 6 bulan kepada 12 bulan dan premium tambahan (Borang 7G) daripada 3+1 bulan kepada 6+1

bulan seperti Pekeliling PTGS Bil. 1/2016 mengenai Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan ke atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor membantu pemohon atau syarikat bagi menjelaskan bayaran dalam masa yang ditetapkan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2018 pada 12 Disember 2018 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2019 pada 16 Januari 2019 telah meluluskan untuk melanjutkan pemakaian pekeliling bagi tempoh 2 tahun lagi mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.

3. Terdapat banyak notis 5A dan 7G yang akan tamat sebelum bulan Mac 2019 menyebabkan pemohon membuat bayaran premium pada bulan Februari 2019.
4. Sesi '*engagement*' yang berterusan oleh pihak PTGS dan PDT dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan.
5. Peningkatan kutipan premium dibantu oleh beberapa inisiatif yang dilaksanakan seperti penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan Kutipan Hasil Premium Tanah pada tahun 2017. Jawatankuasa ini melaksanakan mesyuarat berkala sebanyak 3 kali setahun yang dipengerusikan oleh YAB Dato' SUK dengan dihadiri oleh Pegawai Daerah setiap daerah bagi memantau dan membincangkan mengenai prestasi kutipan premium.
6. Selain itu, terdapat juga inisiatif Pengarah Tanah dan Galian bagi memantau kemajuan kutipan premium. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:
 - Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Negeri Selangor (4 kali setahun);
 - Mesyuarat Penyelarasan Kutipan Premium bersama KPP Tanah PDT Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh KPP Bahagian Pembangunan & Kemajuan Tanah PTGS (4 kali setahun);
 - Laporan kemajuan Prestasi Kutipan Premium Tanah dihantar oleh PDT setiap bulan dan diselaraskan di peringkat PTGS;
 - Pemantauan kutipan mingguan bagi nilai premium yang tinggi (Borang 5A & 7G) di setiap daerah.

Lampiran A (Maklumat Tambahan)

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR SISTEM eHASIL SELANGOR

LAPORAN PENCAPAIAN KUTIPAN CUKAI TANAH BAGI NEGERI SELANGOR BERAKHIR 28/02/2019

| DAERAH | CUKAI TANAH SEMASA TAHUN 2019 | | | CUKAI TANAH TUNGGAKAN TAHUN 2019 | | | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------------|-------------------------------|----------------------|---------------|----------------------------------|---------------------|---------------|----------------------|
| | PERLU KUTIP (RM) | KUTIPAN (RM) | PERATUSAN (%) | PERLU KUTIP (RM) | KUTIPAN (RM) | PERATUSAN (%) | |
| KLANG | 120,747,971.46 | 21,158,182.54 | 18% | 39,252,273.28 | 1,069,054.88 | 3% | 22,227,237.42 |
| KUALA LANGAT | 16,748,242.39 | 3,259,579.67 | 20% | 4,247,423.54 | 211,423.48 | 5% | 3,471,003.15 |
| KUALA SELANGOR | 12,978,551.66 | 1,438,369.65 | 12% | 7,244,258.13 | 140,083.10 | 2% | 1,578,452.75 |
| SABAK BERNAM | 3,701,741.22 | 1,143,220.46 | 31% | 784,786.26 | 60,779.25 | 8% | 1,203,999.71 |
| HULU LANGAT | 40,131,379.53 | 5,823,260.91 | 15% | 21,759,450.03 | 700,996.86 | 4% | 6,524,257.77 |
| HULU SELANGOR | 44,093,118.09 | 3,735,325.52 | 9% | 24,620,321.98 | 285,423.75 | 2% | 4,020,749.27 |
| PETALING | 169,339,681.89 | 26,035,388.08 | 16% | 68,872,260.27 | 1,817,680.00 | 3% | 27,853,068.08 |
| GOMBAK | 68,887,973.60 | 6,370,821.99 | 10% | 36,130,099.12 | 926,148.66 | 3% | 7,296,970.65 |
| SEPANG | 31,399,658.88 | 4,502,048.64 | 15% | 6,663,704.06 | 401,883.42 | 7% | 4,903,932.06 |
| JUMLAH HASIL | 508,028,318.72 | 73,466,197.46 | 15.0% | 209,574,576.67 | 5,613,473.40 | 3.0% | 79,079,670.86 |

(Sumber: Laporan Kutipan Sistem eHasil sehingga 28 Februari 2019)

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR SISTEM eHASIL SELANGOR

LAPORAN PENCAPAIAN KUTIPAN CUKAI PETAK BAGI NEGERI SELANGOR BERAKHIR 28/02/2019

| DAERAH | CUKAI PETAK SEMASA TAHUN 2019 | | | CUKAI PETAK TUNGGAKAN TAHUN 2019 | | | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------------|-------------------------------|---------------------|---------------|----------------------------------|---------------------|---------------|---------------------|
| | PERLU KUTIP (RM) | KUTIPAN (RM) | PERATUSAN (%) | PERLU KUTIP (RM) | KUTIPAN (RM) | PERATUSAN (%) | |
| KLANG | 6,042,181.00 | 81,163.00 | 2% | 2,963,102.00 | 92,915.00 | 4% | 174,078.00 |
| KUALA LANGAT | 222,188.00 | 2,675.00 | 2% | 80,815.00 | 938.00 | 2% | 3,613.00 |
| KUALA SELANGOR | 231,090.00 | 7,222.00 | 4% | 66,903.00 | 3,656.00 | 6% | 10,878.00 |
| SABAK BERNAM | 2,880.00 | 27.00 | 1% | 1,236.00 | 0.00 | 0% | 27.00 |
| HULU LANGAT | 10,736,863.00 | 231,855.00 | 3% | 4,501,863.00 | 129,608.00 | 3% | 361,463.00 |
| HULU SELANGOR | 605,394.00 | 5,833.00 | 1% | 310,102.00 | 3,921.00 | 2% | 9,754.00 |
| PETALING | 55,399,869.84 | 1,398,018.30 | 3% | 17,080,185.00 | 814,524.00 | 5% | 2,212,542.30 |
| GOMBAK | 8,928,060.59 | 186,053.00 | 3% | 4,239,816.90 | 151,057.00 | 4% | 337,110.00 |
| SEPANG | 1,763,900.00 | 37,095.00 | 3% | 364,687.00 | 17,098.00 | 5% | 54,193.00 |
| JUMLAH HASIL | 83,932,426.43 | 1,949,941.30 | 3.0% | 29,608,709.90 | 1,213,717.00 | 5.0% | 3,163,658.30 |

(Sumber: Laporan Kutipan Sistem eHasil sehingga 28 Februari 2019) □

**PENCAPAIAN KUTIPAN CUKAI TANAH PEJABAT DAERAH / TANAH
BERAKHIR 28 FEBRUARI 2018**

| DAERAH | CUKAI TANAH SEMASA TAHUN 2018 | | | CUKAI TANAH TUNGGAKAN TAHUN 2018 | | | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------------|-------------------------------|----------------------------|--------------|----------------------------------|----------------------------|-------------|-----------------------|
| | JUMLAH PERLU DIKUTIP (RM) | KUTIPAN HINGGA 28 FEB (RM) | % | JUMLAH PERLU DIKUTIP(RM) | KUTIPAN HINGGA 28 FEB (RM) | % | |
| PETALING | 162,364,171.90 | 56,005,834.66 | 34.49 | 115,731,889.05 | 3,413,988.34 | 2.95 | 59,419,823.00 |
| KLANG | 118,830,544.67 | 29,105,130.83 | 24.49 | 51,097,004.84 | 1,975,892.78 | 3.87 | 31,081,023.61 |
| GOMBAK | 67,256,427.14 | 15,678,398.38 | 23.31 | 47,714,236.03 | 1,369,385.76 | 2.87 | 17,047,784.14 |
| HULU LANGAT | 38,629,023.55 | 14,733,987.55 | 38.14 | 32,304,947.77 | 1,575,490.06 | 4.88 | 16,309,477.61 |
| KUALA LANGAT | 16,359,735.23 | 6,620,119.52 | 40.47 | 4,482,948.54 | 322,028.46 | 7.18 | 6,942,147.98 |
| KUALA SELANGOR | 12,984,099.67 | 2,258,424.50 | 17.39 | 6,536,413.19 | 279,403.02 | 4.27 | 2,537,827.52 |
| SABAK BERNAM | 3,674,517.24 | 1,218,649.84 | 33.16 | 834,928.80 | 92,027.95 | 11.02 | 1,310,677.79 |
| HULU SELANGOR | 44,493,576.95 | 8,479,999.56 | 19.06 | 28,780,061.40 | 681,698.71 | 2.37 | 9,161,698.27 |
| SEPANG | 34,403,833.68 | 6,620,449.13 | 19.24 | 8,889,357.93 | 876,262.65 | 9.86 | 7,496,711.78 |
| JUMLAH HASIL | 498,995,930.03 | 140,720,993.97 | 28.20 | 296,371,787.55 | 10,586,177.73 | 3.57 | 151,307,171.70 |

(Sumber: Laporan Kutipan Sistem eSPHT sehingga 28 Februari 2018) □

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : AGRO-PELANCONGAN DI MERU

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai plan khusus untuk menjadikan Meru sebagai hub agro pelancongan, kesenian dan sukan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini tiada perancangan khusus oleh pihak Majlis Perbandaran Klang. Walaubagaimanapun, Kampung Bukit Kapar yang terkenal dengan seni warisan kebudayaan menerusi permainan gasing pangkah, muzik cempuling dan silat yang mempunyai potensi untuk di jadikan tarikan pelancongan seni warisan kebudayaan dan sukan di Dun Meru.

Selain itu, Padang Bolasepak Meru di Jalan Kopi seringkali dijadikan tempat latihan bagi Piala Presiden Selangor dan pertandingan di peringkat *Football Association of Malaysia* (FAM). Sekolah Menengah Kebangsaan Meru juga merupakan sekolah di bawah Program Pembangunan Sukan Bola Sepak Malaysia (NFDP) *National Football Development Programme of Malaysia*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PUSAT REKREASI BNO

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menaiktaraf pusat rekreasi di Pantai BNO sebagai pusat tarikan pelancongan dengan membangunkan prasarana di sekitar kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pantai Bagan Nakhoda Omar yang turut dikenali dengan gelaran Pantai BNO merupakan salah satu produk pelancongan yang terdapat di daerah Sabak Bernam.

Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan melihat peluang dan ruang baru untuk menaik taraf produk pelancongan negeri sedia ada. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak merancang untuk membangunkan prasarana di sekitar Pantai BNO memandangkan kedatangan pelancong di kawasan ini masih belum berdaya saing untuk dipertimbangkan sebagai pusat pelancongan utama negeri. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri berpandangan infrastruktur dan kemudahan sedia ada di Pantai BNO adalah mencukupi buat masa ini. Sebarang cadangan untuk menaik taraf pusat rekreasi di Pantai BNO perlu diperhalusi terlebih dahulu.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Majlis Daerah Sabak Bernam dan Tourism Selangor untuk mengenal pasti dan meneroka potensi Pantai BNO ini dari masa ke semasa terutama dari segi kekuatan dan tarikan utama yang boleh ditonjolkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DAN KECERIAAN

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun dan membangunkan semula DUN Sentosa lebih kemas dan tersusun serta sistematik terhadap pembangunannya ?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri serta status mengenai tanah-tanah Kerajaan Negeri yang dibangunkan secara haram tanpa kelulusan pihak berkuasa ?

JAWAPAN:

- a) Amalan pembangunan di Taman Sentosa adalah berdasarkan kaedah “piecemeal development “ selaras dengan tanah-tanah majoriti yang dimiliki oleh individu. Kaedah ini tidak berdasarkan Pelan Komprehensif yang menyeluruh dan lebih secara “ad hoc development”. Hasilnya pembangunan tidak menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang lengkap dan memenuhi kehendak penduduk. Oleh yang demikian satu Pelan Induk jangka panjang melalui Rancangan Tempatan Klang (Penggantian) 2035 akan disediakan bagi memastikan Taman Sentosa dirancang sebaik mungkin selari dengan dasar kerajaan dalam mewujudkan satu kawasan kediaman yang harmoni dan mampan serta menepati ciri-ciri kehidupan yang berkualiti.
- b) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pencerobohan ke atas Tanah Kerajaan adalah dengan mendirikan papan tanda Tanah Kerajaan dan membina pagar di atas tanah tersebut. Sehingga Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sekitar RM100,000.00 bagi mendirikan pagar di dua (2) kawasan Tanah Kerajaan. Sekiranya berlaku sebarang pencerobohan di atas Tanah Kerajaan, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Tindakan penguatkuasaan seperti perobohan ke atas struktur-struktur akan dilaksanakan terhadap penceroboh yang masih ingkar daripada mengosongkan Tanah Kerajaan yang telah diceroboh. Majlis Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah hendaklah mengambil tindakan mengikut peruntukan

undang-undang di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit & Bangunan (Akta 131) bagi mengelakkan pembangunan secara haram tanpa kelulusan pihak berkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PASUKAN HOKI SELANGOR

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nama-nama pemain Selangor yang berjaya mewakili Skuad Malaysia dari tahun 2010 hingga 2019.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Selangor dapat membantu pemain meningkat taraf permainan?
- c) Apakah sumbangan yang dapat dibagi kepada pemain yang telah berjaya di peringkat negeri mahupun kebangsaan?

JAWAPAN:

- a) Nama-nama pemain Selangor yang berjaya mewakili skuad Malaysia dari tahun 2010 hingga adalah seperti berikut:
 - Raja Norsharina bt Raja Shahbudin
 - Nurul Safiqah bt Mat Isa
 - Ellya Syahirah bt Elias
 - Ellya Amanina bt Ellias
 - Nur Atira bt Mohamad Ismail
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa membantu persatuan untuk menaikkan taraf permainan sukan masing-masing. Pemilihan jurulatih adalah merupakan salah satu faktor untuk menaikkan taraf permainan. Jurulatih yang mempunyai ilmu pengetahuan sukan yang tinggi dan berpengalaman dalam mengendalikan pasukan peringkat elit merupakan kriteria yang penting dalam peningkatan taraf permainan atlet. Selain daripada itu, faktor lain adalah infrastruktur sukan hoki yang baik dan kebajikan atlet seperti elaun, insurans dan lain-lain pakej kebajikan atlet yang bersesuaian juga memainkan peranan penting untuk menyokong atlet tersebut agar terus berlatih bersungguh-sungguh untuk menaikkan taraf permainan mereka.
- c) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor ada menyediakan insentif dan sumbangan kepada atlet-atlet Selangor yang mewakili negara ke kejohanan antarabangsa. Insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan

penyertaan kepada Suka SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik manakala sumbangan berbentuk wang saku diberikan kepada mana-mana atlet Selangor yang menyertai ke kejohanan mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai dan berapakah jumlah yang telah dapat diselesaikan setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di Negeri Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa pendekatan dan langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.

- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

Sebanyak 62 projek perumahan terbengkalai yang telah dapat diselesaikan di Negeri Selangor yang direkodkan sehingga bulan Disember 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KEMUDAHAN KLINIK KESIHATAN & HOSPITAL MILIK KEMENTERIAN
KESIHATAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha menambahbaik perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Selangor khususnya di kawasan-kawasan yang tidak memiliki klinik kesihatan dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan seperti di kawasan Setia Alam?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini penduduk kawasan Setia Alam boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Meru, Klang (10 km), Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam (10 km) dan Klinik Kesihatan Bukit Kuda, Klang (13 km).

Untuk kawasan Setia Alam setakat ini ada tanah yang diperuntukan untuk tapak klinik oleh pihak pemaju. Status tanah tersebut belum lagi dibuat pemberimilikan tapak. Oleh itu, JKN Selangor akan membuat permohonan untuk pemberimilikan tanah tersebut.

Bagi menampung keperluan klinik di Setia Alam, terdapat sebanyak 13 buah klinik panel yang telah berdaftar di bawah Skim Peduli Sihat. Berikut adalah senarai klinik panel berikut:

1. KLINIK MEDIVIRON SETIA GEMILANG (SETIA ALAM)
NO. 90-GJALAN SETIA GEMILANG BJ U13/BJ, SETIA ALAM
2. YURI CLINIQUE (SETIA ALAM)
NO.12A-G, JALAN SETIA DAGANG AL U13/ALSETIA ALAM, SEKSYEN U13
3. KLINIK SETIA ALAM (BANDAR SETIA ALAM)
NO.14, JALAN SETIA INDAH Y, SEKSYEN U13BANDAR SETIA ALAM
4. KLINIK SETIA TAIPAN (SETIA ALAM)
NO. 95G, JALAN SETIA GEMILANG BG U13/BGSETIA ALAM, SECTION UB

5. KLINIK MEDIVIRON (SETIA ALAM)
NO. 15-1-2, JALAN SETIA PRIMA (R) U13/RSETIA ALAM SEKSYEN U13
6. KLINIK AJWA (SETIA ALAM)
NO.99-G, JALAN SETIA GEMILANGBG U13/BG, BANDAR SETIA ALAM
7. KLINIK YEW (SETIA ALAM)
6-1-1, JALAN SETIA PRIMA C U13/CSETIA ALAM, SEKSYEN U13
8. KLINIK ARAA (SETIA ALAM)
7-1-2 JALAN SETIA PRIMA U13/RSETIA ALAM, SEKSYEN U13
9. KLINIK DANNIYAA (SETIA ALAM)
30-G, JALAN SETIA GEMILANG BM U13/BMSETIA ALAM, SEKSYEN U13
10. POLIKLINIK MK (SETIA ALAM)
NO 116-G, JALAN SETIA GEMILANG, BJ U13/BJBANDAR SETIA ALAM
11. KLINIK ECOSOUL (SETIA ALAM)
7-G, JALAN SETIA DAGANG AJ U13/AJSETIA ALAM
12. POLYCLINIC & SURGERY PRIMAL (SETIA ALAM)
NO 14G, JALAN SETIA UTAMA AU U13/AUSETIA ALAM
13. POLYCLINIC & SURGERY PRIMAL (SETIA ALAM)
NO 14G, JALAN SETIA UTAMA AU U13/AUSETIA ALAM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PERNIAGAAN HARAM TAMAN KANAGAPURAM, PJ

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik penguatkuasaan MBPJ terhadap perniagaan haram di Taman Kanagapuram?
- b) Mengapakah MBPJ tidak bertindak tegas untuk sita barang niaga untuk premis haram ini?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 22 premis telah difailkan di mahkamah dari tahun 2017 hingga 2018. Diantaranya sebanyak 18 premis telah di saman dan di jatuh hukum oleh mahkamah dan selebihnya telah dirobuhkan oleh pihak majlis.

Tindakan Penguatkuasaan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan yang sedang diambil terhadap pengusaha-pengusaha perniagaan haram (tanpa kelulusan Majlis) ini adalah seperti berikut:-

| Bil. | Jenis Aktiviti Yang Diambil Tindakan | Jenis Notis Penguatkuasaan | Jumlah |
|--------------------|---|-----------------------------------|---------------|
| 1 | Pusat Jagaan Tanpa Kelulusan | Sek. 70 (12), Akta 133 | 7 kes |
| 2 | Aktiviti Menjual Kereta/ Lori | Sek.27, Akta 172 | 5 kes |
| 3 | Aktiviti Servis Kereta | Sek. 26, Akta 172 | 1 kes |
| 4 | Pameran Motosikal | Sek 27, Akta 172 | 1 kes |
| Jumlah Keseluruhan | | | 15 kes |

Tindakan Penguatkuasaan yang dijalankan oleh Majlis terhadap pengusaha-pengusaha perniagaan haram (tanpa kelulusan Majlis) ini adalah seperti berikut:-

| Bil. | Tindakan Jabatan | Notis Penguatkuasaan | Jumlah |
|------|------------------------------|----------------------|--------|
| 1 | Jab. Perancangan Pembangunan | Akta 133/ Akta 172 | 15 kes |

| PBT | TINDAKAN PENGUATKUASAAN | |
|-------------|-------------------------|------|
| | KOMPAUN | |
| | 2018 | 2019 |
| MBPJ | 79 | 13 |

b) Pihak Majlis tidak dapat melaksanakan tindakan sitaan ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan terlibat kerana Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MBPJ 2007 sedang melalui proses pindaan. Peruntukan UUK yang sedang dipinda ini adalah melibatkan UUK 38(1) dan UUK 38(2) yang hanya memperuntukkan tindakan penyitaan dijalankan ke atas premis berlesen seperti berikut:-

i. Peruntukan UUK 38(1)

Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 36 dan 37, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang ini.

ii. Peruntukan UUK 38(2)

Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu atau pengkhidmat atau ejennya yang berada di premis berlesen itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : DASAR KERAJAAN NEGERI

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masih terdapat sebahagian jabatan-jabatan yang tidak dapat menyelesaikan permasalahan rakyat sehingga menjejaskan nama baik kerajaan. Apakah tindakan kerajaan kepada jabatan tersebut?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a)
- i. Bilangan aduan/ masalah yang meningkat setiap tahun merupakan satu indikator kesedaran rakyat mengenai kemampuan kerajaan yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah.
 - ii. Ini membuktikan bahawa rakyat begitu yakin terhadap ketersediaan dan kemampuan kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah mereka. Walau bagaimanapun, setiap permasalahan dan aduan yang dirujuk ada limitasi serta punca kuasa/ garis panduan tertentu yang mengawalselia. Terdapat juga masalah yang diterima adalah di luar bidang kuasa kerajaan (jabatan/ agensi). Seperti contoh, kerajaan sama sekali tidak boleh mencampuri mana-mana aduan/ masalah yang tidak menepati syarat-syarat seperti digariskan dalam peraturan/ pekeliling yang sedang berkuatkuasa, antara lainnya Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 3 Tahun 2010. Ini termasuklah aduan/ masalah yang melibatkan kes-kes dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pihak polis mahupun yang sedang dibicarakan di mahkamah.
 - iii. Apabila sesuatu aduan/ permasalahan rakyat tidak dapat diselesaikan, Kerajaan perlu melihat kepada seluruh sistem yang terlibat, bukan hanya memandang kepada masalah mengikut individu per se. Sebagai contoh, prosedur/ sistem di sesuatu agensi itu didapati tidak berfungsi dengan efisien. Logiknya ia akan menyumbang kepada peningkatan aduan daripada masyarakat. Sehubungan itu kerajaan akan meneliti masalah itu dan cuba memahami serta memperhalusi

tentang prosedur/ sistem yang digunapakai. Kerajaan akan mengenalpasti ruang dan peluang yang perlu ditambahbaik/ diperbetulkan/ dicegah. Dan tidak hanya semata-mata menyelesaikan masalah individu.

- iv. Untuk merealisasikannya, Kerajaan perlu turun padang dengan mengadakan sesi libat urus/ naziran/ temu siasat/ bimbingan bersama-sama dengan agensi yang berkenaan. Sebagai contoh, semenjak 1 Januari 2019 sehingga 15 Mac 2019, sekurang-kurangnya 10 sesi libat urus/ naziran/ temu siasat/ bimbingan telah diadakan oleh Bahagian Korporat, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (selaku Penyelaras Aduan Negeri Selangor) dengan pelbagai jabatan/ agensi (termasuk pihak berkuasa tempatan, badan berkanun).
- v. Jika mengikut kepada tatacara sebetulnya, agensi terbabit hendaklah dihubungi dengan mengemukakan surat/ e-mel rasmi terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, selaku kerajaan yang komited untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu dengan segera lagi tuntas, sudah tentu akan memastikan supaya, pegawai kerajaan (seperti contoh: pasukan Titik Fokus Aduan/ *Complaint Focal Point*, CFP, di Bahagian Korporat, PSUK) terus/ segera berhubung dengan agensi terbabit setelah menerima aduan/ masalah untuk mengetahui situasi sebenar, sebelum menghantar e-mel/ surat rasmi kepada agensi tersebut. Dengan cara ini akan mempercepatkan proses tindakan terhadap aduan/ masalah yang dilaporkan.
- vi. Kerajaan sentiasa menjalin kerjasama erat dengan agensi yang terlibat kerana tidak mahu bias terhadap laporan yang dibuat. Walau bagaimanapun, agensi terlibat akan dirujuki terlebih dahulu bagi setiap tindakan yang akan diambil memandangkan masing-masing mempunyai dasar, polisi dan akta yang tertentu untuk dipatuhi.
- vii. Kerajaan akan cuba lakukan yang terbaik mengikut landasan yang ada supaya masalah dapat diselesaikan tanpa melanggar apa juga polisi agensi berkaitan. Ini kerana kerajaan berperanan untuk memudahcara pihak-pihak berkaitan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : LEMBU TERBIAR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat tindakan segera kepada penternak yang membiarkan lembu terbiar sehingga membahayakan orang awam?
- b) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani lembu-lembu terbiar tidak bertuan?
- c) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu kewujudan kandang-kandang lembu yang dibina secara haram terutama diatas tanah kerajaan?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali;

Di dalam Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 (Enakmen Selangor No.3 tahun 1971), menyatakan suatu kawasan pihak berkuasa tempatan atau sebahagiannya merupakan kawasan larangan bagi lembu-kerbau. Justeru itu, lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan larangan boleh diklasifikasikan sebagai lembu ternakan yang tidak bertuan dan tindakan seperti tangkapan boleh dibuat ke atas lembu-lembu yang berkeliaran tersebut.

Selain daripada penguatkuasaan enakmen tersebut, pihak PBT juga mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan bersama penternak yang dikenal pasti membiarkan lembu ternakan berkeliaran tanpa kawalan dan seterusnya memberi amaran supaya tidak membiarkan lembu ternakan berkeliaran di kawasan awam.

Pihak PBT juga mewujudkan pasukan khas yang bertindak untuk merampas lembu yang berkeliaran di kawasan awam atau kawasan larangan sekiranya terdapat aduan diterima.

Dalam usaha bagi menangani lembu-kerbau terbiar, Kerajaan Negeri sedang menilai kesesuaian tanah-tanah kerajaan yang boleh diwartakan sebagai tanah untuk projek pertanian.

Sebagai contoh, Kerajaan Negeri melalui UPEN-Sektoral dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor telah melaksanakan Program Penempatan Semula Penternak yang menghadapi masalah kawasan menternak atau ringkasnya Program Translokasi. Selain daripada Ladang Translokasi Sungai Nilam di Hulu Selangor, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sebuah lagi ladang translokasi di Olak Lempit yang dijangka siap pada tahun ini. Selain itu, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor dalam prosesewartakan dua kawasan di Sg. Gumut, Kalumpang (80 ekar) dan Sg. Gersik, Rasa (100 ekar) bagi tujuan Program Translokasi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MASALAH DENGGI

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan kadar kes demam denggi tertinggi di Malaysia, apakah tindakan terbaru bagi mengurangkan kes denggi dari terus berlaku?

JAWAPAN:

Soalan berkaitan denggi akan dijawab bersekali termasuk soalan no 35 daripada Yang Berhormat Sungai Pelek, soalan 135 daripada Yang Berhormat Subang Jaya, soalan 202 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan soalan 271 daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baru.

Demam denggi merupakan penyakit berjangkit yang akan tetap muncul setiap tahun. Kebiasaanya, demam denggi menjadi isu apabila kita menghadapi musim hujan kerana nyamuk Aedes mempunyai tempat untuk membiak.

Demam denggi adalah penyakit **endemik** di mana ianya sentiasa berlaku dan jumlah kes-kes demam denggi berubah pada kadar yang sama atau hampir sama dengan tahun-tahun sebelumnya. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengawal kes demam denggi daripada menjadi penyakit **epidemik** yang mana penularan wabak bagi penyakit meningkat melebihi daripada jumlah yang dijangka.

Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 9 mac 2019 telah merekodkan sebanyak 17,004 kes, berbanding 6,138 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi bagi tahun 2019 dan 2018 mengikut daerah :

| DAERAH | KES | | KUMULATIF KES | |
|----------------|--------------|--------------|---------------|--------------|
| | ME 9/2019 | ME 10/2019 | 2019 | 2018 |
| PETALING | 522 | 762 | 6,002 | 1,799 |
| KLANG | 404 | 368 | 4,765 | 1,520 |
| HULU LANGAT | 257 | 247 | 3,031 | 1,100 |
| GOMBAK | 145 | 155 | 1,597 | 886 |
| KUALA LANGAT | 23 | 14 | 278 | 307 |
| HULU SELANGOR | 26 | 33 | 177 | 174 |
| SEPANG | 73 | 69 | 759 | 209 |
| KUALA SELANGOR | 16 | 22 | 335 | 96 |
| SABAK BERNAM | 3 | 8 | 60 | 47 |
| TOTAL | 1,469 | 1,678 | 17,004 | 6,138 |

Bagi merealisasikan matlamat itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM3 juta** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi Negeri Selangor bagi tahun 2019. Hanya negeri Selangor sahaja yang memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia.

Sebahagian besar peruntukan tersebut adalah untuk membudayakan masyarakat dalam mencegah denggi. Sejumlah **RM1.248 juta** akan disalurkan kepada **Ahli Majlis** melalui PBT bagi melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dengan melibatkan masyarakat setempat. Di samping itu, setiap Ahli Dewan Negeri juga diminta menggunakan sejumlah **RM10,000** daripada **peruntukan Khidmat Masyarakat DUN** bagi melaksanakan program pencegahan denggi seperti aktiviti cari dan musnah. Penglibatan ketua pimpinan masyarakat ini dapat membantu mengurangkan dan menghapuskan tempat pembiakan aedes dengan penglibatan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Kuala Kubu Baru bertanya kaedah menghapuskan nyamuk Aedes yang digunakan sejak tahun 2018.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi bagi menghapuskan nyamuk Aedes yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut:

1. Langkah-langkah kawalan

- i. Pemantauan kes yang dilaporkan secara harian di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat;
- ii. Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan seperti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes, Semburan Racun Termal untuk nyamuk dewasa (*fogging dan ULV*) dan Semburan Racun untuk membunuh larva (*Larvaciding*);
- iii. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti terlibat – Ceramah, Perbincangan Kumpulan Kecil, Tunjuk Cara, Nasihat Individu, Hebahan Awam, Risalah, Poster dan Media Luar;
- iv. Menggerakkan komuniti melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes; dan
- v. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

2. Langkah-langkah pencegahan

- i. Pemantauan indeks pembiakan Aedes di kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
- ii. Melaksanakan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
- iii. Melaksanakan Semburan Kabus (*fogging*) pencegahan di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi;
- iv. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975; dan
- v. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti setempat.

Yang Berhormat Bukit lanjan juga bertanyakan jenis bahan kimia yang digunakan untuk "*fogging*" dan kesannya kepada alam semulajadi.

Racun serangga yang digunakan perlu didaftarkan terlebih dahulu oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP), Kementerian Pertanian Malaysia. Racun serangga tersebut perlu mematuhi kehendak kesihatan awam dan penjagaan alam sekitar. Dua kelas racun serangga yang digunakan ialah *Organofosfat* dan *Sintetik Piretroid*. Bagi memastikan pekerja – pekerja fogging sentiasa sihat dan selamat mereka perlu mematuhi Akta Racun Serangga Perosak, 1974. Operator menjalankan semburan perlu di latih dan kompeten. Mereka perlu menggunakan

kelengkapan pelindung diri. Sebelum aktiviti semburan termal (*fogging*) dilakukan hebahan awam untuk penduduk supaya mengambil langkah – langkah pencegahan seperti menutup minuman, makanan, membawa haiwan peliharaan keluar daripada kawasan semburan. Panduan penggunaan racun serangga juga dilakukan supaya ia disimpan, digunakan dan dilupuskan dengan betul.

Yang Berhormat Sungai Pelek, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Yang Berhormat Kuala Kubu Baru bertanyakan dasar dan strategi baru Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kes demam denggi di Selangor.

Kerajaan Negeri Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menggunakan tambahan strategi baru dalam kawalan dan pencegahan denggi iaitu;

- i) Kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia. Wolbachia adalah sejenis mikroorganisme yang hidup secara semulajadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Ia wujud dalam kira-kira 60 peratus serangga kecuali nyamuk Aedes Aegypti. Oleh kerana Wolbachia tidak terdapat dalam nyamuk Aedes Aegypti seperti kebanyakan serangga lain, maka suntikan akan dilakukan di dalam makmal sebelum ia dilepaskan ke lapangan. Setelah membiak dalam jangka masa yang tertentu, kebanyakan nyamuk Aedes Aegypti di dalam kawasan itu akan mengandungi Wolbachia dan tidak mempunyai virus denggi. Negara yang telah menjalankan kawalan rintis ini adalah seperti Indonesia, Singapura, Thailand, China, Brazil dan Australia. Kajian rintis di Malaysia telah dijalankan di 7 lokaliti *Hotspot* di Selangor dan menunjukkan kejayaan penurunan 50-80% kes di lokaliti tersebut. Kawalan biologi ini akan dikembangkan di lokaliti-lokaliti tumpuan lain terutama lokaliti Wabak Tak Terkawal dan Hotspot.
- ii) Satu **Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters** akan dilaksanakan bermula tahun ini. Agensi yang terlibat adalah semua agensi kerajaan samada persekutuan mahupun kerajaan negeri termasuk Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan anak syarikat di bawah kerajaan negeri. Program ini merupakan pemerksaan anggota kerajaan dalam pengwujudan kawasan bebas Aedes di tempat kerja dan kuarters kerajaan. Ia akan dilancarkan pada bulan April ini dengan beberapa siri pendedahan dan latihan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara aktiviti utama yang akan dilaksanakan adalah;

- Menjalankan alert kes dan wabak demam denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah kepada jabatan yang terlibat untuk tindakan kawalan dan pencegahan;
- Menjalankan Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes di tempat kerja secara berkala;
- Mewujudkan jaringan maklumat berkaitan situasi demam denggi di tempat kerja seperti melalui Whatsapp, Facebook dan lain-lain;
- Mewujudkan kumpulan sukarelawan denggi menggunakan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kalangan warga tempat kerja bagi membantu lokaliti wabak dan hotspot; dan
- Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tempat kerja dan kuarters.

iii) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri juga telah melancarkan beberapa siri kempen iaitu yang sedang dilaksanakan adalah **Kempen Selangor Gempur Aedes** Siri 2/2019 selama 6 minggu bermula dari 25.02.19 sehingga 7.04.19 (tempoh 6 minggu) dengan penumpuan aktiviti kepada :

- Memperkukuhkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes secara berfokus di lokaliti sporadik terpilih;
- Memperkukuhkan *One Stop Crisis Centre (OSCC)* daerah bagi merancang dan menyelaras aktiviti kawalan denggi bersama agensi lain terutama pihak berkuasa tempatan bagi meningkat dan mengoptimalkan semua sumber di daerah;
- Mengoptima anggota di Pejabat Kesihatan Daerah melibatkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes dan *larvaciding* terutama selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu dan kelepasan am;
- Meneruskan aktiviti penguatkuasaan di tempat tumpuan awam yang berisiko kepada punca jangkitan Aedes; dan
- Menggalakkan semua lokaliti COMBI menjalankan aktiviti promosi kesihatan rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pembiakan denggi pada setiap hujung minggu. Di samping itu juga menggalakkan mobilisasi ahli COMBI ke lokaliti *Hotspot* dan wabak tak terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital baru di kawasan Bukit Beruntung memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat saban tahun dan hospital Kuala Kubu Bharu yang terletak agak jauh dan sudah lama dan ini menyulitkan penduduk untuk mendapatkan rawatan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga pertanyaan ini dikemukakan, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor belum menerima sebarang permohonan daripada mana-mana pihak berhubung keperluan sebuah hospital di Bukit Beruntung.

Sekiranya terdapat permohonan, kajian akan dibuat terlebih dahulu memandangkan Kadar Penggunaan Katil di Hospital Kuala Kubu Bharu yang terletak 36 kilometer dari Bukit Beruntung hanya 55.83% daripada jumlah katil di hospital berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : GUGUSAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Daerah Gombak sebagai gugusan pendidikan sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 ?

JAWAPAN:

- a) Pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Daerah Gombak sebagai gugusan pendidikan sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 adalah dengan memberi fokus kepada perkara berikut :
- i. menyediakan satu eco system Pendidikan yang komprehensif berteraskan kepada keperluan dan kehendak industry dengan melibatkan institusi pendidikan, penyelidikan, pemain idustri dan lain-lainagensi kerajaan dan swasta[;
 - ii. menggalakkan penyelidikan dan inovasi dikawasan Gugusan Pendidikan yang berteraskan kepada 5 bidang focus seperti *Food & Beverages, Aerospace, Machinery and Equipment, Electrics and Electronics* dan *Life Sciences*.

Oleh itu, Kerajaan Negeri dalam menyediakan satu plan tindakan yang melibatkan semua pihak bagi memastikan Gugusan Pendidikan menjadi Boston of Malaysia dan memberi impak dalam pembangunan khususnya di Selangor dalam bidang pendidikan, pendidikan tinggi, ekonomi sosial dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : FASILITI SUKAN DAN REKREASI KHUSUS UNTUK GOLONGAN OKU

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sebarang fasiliti sukan ataupun tempat rekreasi khusus yang disediakan untuk golongan OKU di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sekiranya ya, sila senaraikan
- c) Sekiranya tidak, sila nyatakan adakah kerajaan akan mempunyai sebarang perancangan untuk menjalankan inisiatif ini

JAWAPAN:

(a) dan (c) dijawab bersekali;

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai kemudahan sukan untuk semua golongan masyarakat termasuklah Orang Kelainan Upaya (OKU). Kerajaan Negeri juga sedia maklum mengenai keperluan kemudahan sukan untuk OKU bagi menjamin keselamatan dan keselesaan mereka.

Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan setakat ini tiada menyediakan peruntukan khas untuk membangunkan kawasan sukan dan rekreasi yang khusus untuk golongan OKU. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, Kerajaan Negeri berusaha untuk membangunkan kawasan sukan dan rekreasi yang inklusif untuk semua tanpa mengira golongan OKU ataupun tidak dalam usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan serta untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan minda yang tinggi, aktif dan sihat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut telah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memberikan kemudahan infrastruktur sukan yang sedia ada kepada golongan atlet oku untuk digunapakai bagi menjalani latihan persediaan untuk menyertai sebarang kejohanan yang dirancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : INDUSTRI KITAR SEMULA PLASTIK DI DAERAH KUALA LANGAT

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan industri kitar semula plastik di Daerah Kuala Langat. Apakah status pembidaan lambakan sampah plastik di Daerah Kuala Langat?
- b) Nyatakan laporan Bomba berkenaan kejadian kebakaran longgokan sampah dan kilang haram sisa plastik.

JAWAPAN:

- a) Pihak MDKL melaksanakan bidaan sampah plastik di Daerah Kuala Langat di satu lokasi sahaja iaitu di Lot 2627, Jalan Sungai Rambai. Bidaan dilakukan atas persetujuan pemilik tanah tersebut. Walaubagaimanapun, tiada pembeli yang berminat untuk membeli lambakan sampah plastik tersebut.

Tindakan Notis 7(a) daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat di bawah Kanun Tanah Negara 1965, telah diberikan kepada pemilik tanah untuk proses remedi tanah tersebut dan telah diberi tempoh kepada pemilik tanah tersebut untuk membersihkan kawasan sehingga bulan Mei 2019. Sehingga 4 Mac 2019, pemilik tanah masih lagi dalam proses membersihkan tanah tersebut.

Untuk status 33 buah kilang yang telah dilaksanakan operasi, kesemua kilang tersebut telah tidak beroperasi. Daripada jumlah tersebut 22 buah kilang telah dibersihkan sepenuhnya dan 11 buah kilang dalam proses pembersihan dan dijangka akan bersih sepenuhnya pada bulan Mei 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK MASJID/SURAU DAN
INSTITUSI AGAMA**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa kah kriteria-kriteria yang di guna pakai untuk menentukan masjid/surau/institusi agama yang manakah yang akan di salurkan peruntukan untuk penyelenggaraan/naik taraf dari MBI ?

JAWAPAN:

- a) Kriteria masjid/surau/institusi agama yang layak mendapatkan santunan dari MBI ialah;
1. Berdaftar di bawah MAIS/JAIS atau badan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
 2. Bergantung kepada permohonan yang dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Kuasa masjid/surau/institusi agama tersebut, dan sebarang pertimbangan akan diberikan berasaskan kepada keperluan dan keadaan masjid tersebut, termasuklah saiz, kapasiti dan keadaan fizikal masjid/surau/institusi agama berkenaan;
 3. Sumbangan adalah bertujuan untuk pembangunan, pengimarah, meningkatkan kesejahteraan serta hal-hal yang layak dan munasabah oleh pihak masjid/surau/institusi agama yang mengajukan permohonan;
 4. Aktiviti yang dijalankan tidak menyalahi dasar atau undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan;
 5. Semua permohonan adalah diselaraskan oleh pihak MBI Selangor dalam tempoh masa yang ditetapkan dan permohonan yang tidak lengkap atau yang tidak memenuhi kriteria tidak akan dipertimbangkan;